

Ubat tiruan misi

PEMBUNUH SENYAP?

Pengambilan ubat secara tanpa merujuk pakar kesihatan undang risiko

TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN
(tuan.buqhairah@sinarharian.com.my)

Produk tiruan telah lama membelenggu negara juga dunia. Pelbagai produk 'diklon' untuk mendapatkan hasil keuntungan kepada pihak yang tidak bertanggungjawab tanpa memikirkan kesan yang menanti.

Pakaian, cakera padat, barang harian termasuklah ubat- ubatan yang digunakan untuk merawat kesihatan tidak terlepas daripada masalah produk tiruan ini.

Terbaru, taktik menggunakan serbuk putih dipercayai tepung gandum dan pewarna untuk menghasilkan paracetamol terbongkar apabila Bahagian Penguat kuasa Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melakukan serbuan di seluruh negara.

Bayangkan apakah kesannya jika anda


menggunakan ubat tiruan yang membanjiri pasaran gelap? Dengan pelbagai tawaran menarik termasuklah harga yang jauh lebih murah daripada ubat sebenar, ia sudah cukup untuk menarik pengguna supaya membeli ubat- ubatan tiruan.

Harga lebih murah

Sumber daripada Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri Selangor mengakui harga merupakan salah satu faktor menyebabkan orang ramai mengambil jalan pintas dengan membeli ubatan tiruan.

"Banyak faktor yang menjadi punca, antaranya kebanjiran kemasukan ubat tiruan ke dalam negara ini, ada juga tidak tahu dan tertipu ubat yang dibeli itu merupakan ubat tiruan.

"Harga untuk ubat asli memang mahal berbanding tiruan, namun pengguna haruslah memikirkan kesan yang menimpa,"



Isi kandungan ubat diragui tanpa kelulusan Kementerian Kesihatan. (Gambar hiasan).

PANADOL

ASLI

TIRUAN

Perbezaan antara ubat tiruan dan ubat asli yang menggunakan jenama ubat popular. (Sumber internet)



Jangan biarkan tangan anda meragut nyawa sendiri dengan memilih ubat tiruan (Gambar hiasan).



katanya.

Menurutnya, orang ramai seharusnya peka terhadap setiap ubat yang dibeli kerana ubat yang dimakan tanpa deskripsi pegawai perubatan tidak menjamin keselamatan.

"Sebagai contoh, ubat seksual di pasaran mengandungi kandungan steroid yang tinggi sehingga mampu mengakibatkan kematian serta merta, penyakit buah pinggang dan tekanan darah tinggi serta rendah.

"Begitu juga dengan ubat- ubatan tiruan yang lain, kesannya bergantung kepada jumlah kandungan yang digunakan," katanya.

Penguatkuasaan di pintu masuk

Beliau berkata, Bahagian Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut meletakkan pegawai penguat kuasa farmasi di setiap pintu masuk negara.

"Ini untuk menghalang kemasukan ubat tiruan ke dalam negara," katanya.

Selain itu, Bahagian Perkhidmatan Farmasi turut mengadakan kempen kesedaran kepada pengguna agar orang

ramai tidak terpedaya dengan ubat tiruan.

"Pelbagai kempen yang diadakan antaranya memasang iklan di tempat awam, dialog, penerangan dan sebagainya," katanya.

Untuk mengenal pasti sama ada ubat tersebut adalah tiruan ataupun sebaliknya, beliau berkata, terdapat nombor MAL dan hologram pada setiap ubat tersebut.

"Itu yang membezakan sama ada tiruan atau sebaliknya," katanya.

Sejak awal lagi, Fomca membantah penggunaan hologram ini kerana ia tidak dapat membantu pengguna."
Muhammad Sha'ani Abdullah



Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan sebanyak enam hingga sepuluh peratus ubat-ubatan di pasaran seluruh dunia adalah tiruan dengan nilai mencecah AS\$35 bilion (RM113.46 bilion) setahun dan angka ini dijangka lebih tinggi di negara-negara membangun.

Menurut WHO, ubat tiruan merupakan produk yang ditiru dengan sengaja melalui penipuan label dan pengenalan untuk menampakkannya seperti ubat tulen.

Selain itu, ubat tiruan juga mempunyai kandungan dan kuantiti yang tidak sama dengan ubat tulen sama ada lebih banyak, kurang daripada sepatutnya atau tiada langsung bahan aktif.

Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) menyarankan agar kerajaan mengambil langkah yang lebih proaktif untuk membendung masalah ini agar keselamatan rakyat terjamin.

Setiausaha Agung, Muhammad Sha'ani Abdullah berkata, penggunaan hologram tidak membantu pengguna untuk mengenal pasti sama ada ubat tersebut asli ataupun tulen.

"Sejak awal lagi, Fomca membantah penggunaan hologram ini kerana ia tidak dapat membantu pengguna.

"Ubat pun boleh ditiru, inikan pula hologram," katanya.

Pengguna lebih peka

Muhammad Sha'ani berkata, penguatkuasaan yang lebih ketat membantu menyekat ubat tiruan memasuki negara sekali gus dijual kepada orang ramai.

"Serbuan lebih kerap perlu dilakukan di tempat penjualan seperti pasar malam, kaki lima, toko ubat dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata, penguatkuasaan perlu dilakukan dengan cekap dan pantas tanpa menunggu aduan daripada pengguna.


"Tidak perlu membuang masa menunggu aduan dahulu baru mereka hendak bertindak," katanya.

Muhammad Sha'ani berkata, sebagai pengguna, orang ramai haruslah lebih peka dan mengambil tindakan menjauhi ubat tiruan di pasaran.

"Apabila tiada permintaan, sudah tentu pengeluar tidak dapat bertahan sekali gus memberhentikan pengeluarannya

"Setakat ini, Fomca hanya menerima aduan mengenai kecederaan yang dialami akibat menggunakan bahan terlarang dan juga pertanyaan mengenai ubat-ubatan di pasaran," katanya.

Pengguna perlu mendapatkan ubat-ubatan yang asli melalui khidmat pakar perubatan, bagi mengelakkan diri daripada menjadi mangsa 'pembunuh senyap'.



Sejak dari dulu lagi, saya jarang menggunakan sebarang ubat jika diserang demam, selesema dan batuk. Setakat sakit ringan itu, saya yakin ia akan sembuh dengan sendiri. Tetapi, jika penyakit berlarutan, saya ke klinik atau farmasi untuk mendapatkan ubat. Saya yakin, ubat yang dibekalkan itu bukanlah ubat tiruan kerana setiap label bungkus ubat yang diperoleh terdapat logo KKM."

Mohamad Faizal Alias, 28, pekerja swasta



Untuk menyekat pengeluaran produk tiruan memang susah, jadi sebagai pengguna, kitalah yang perlu bertindak bijak dan berhati-hati. Cek label dan rujuk kepada pihak berkenaan untuk mendapatkan pengesahan."

Mohd Nor Redzuan Borhan, 28, kakitangan awam



Sebaik-baiknya kalau perlukan ubat, pergilah ke tempat yang betul seperti farmasi dan klinik. Jangan beli tepi jalan sebab kita tak tahu kesan sampingannya."

Azila Hassan, 24, pekerja swasta



Jika sakit, eloklah jumpa doktor untuk pemeriksaan lanjut bagi mendapatkan ubat yang tepat. Sentiasalah mengambil berat kesihatan diri untuk jangka masa panjang."

Kamaroslina Abd Rahman, 29, guru



Ubat tiruan

Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) mendefinisikan ubat tiruan sebagai produk tiruan yang disengajakan menerusi penipuan label bertujuan menjadikannya seakan-akan tulen.

- Penipuan itu turut merangkumi aspek kandungan dan kuantiti yang salah serta pemalsuan pembungkusan.
- WHO menganggarkan sebanyak enam hingga sepuluh peratus iaitu bersamaan USD 35 bilion (RM 121.36 bilion) ubat-ubatan yang berada di pasaran dunia adalah tiruan.
- Pertubuhan itu turut menganggarkan secara purata 10 peratus daripada keseluruhan ubat-ubatan yang digunakan di seluruh dunia adalah ubat tiruan.
- Di sesetengah negara, WHO melaporkan 50 peratus daripada bekalan ubatnya adalah ubat tiruan. Nilai industri ubat tiruan pula melebihi AS\$32 bilion (RM109 bilion) pada 2003, dan ia mencecah sehingga AS\$75 bilion (RM256 bilion) setahun iaitu peningkatan hampir 90 peratus pada 2005.
- Antara ubat tiruan yang popular termasuk antibiotik, ubat alahan, hormon dan steroid. Ubat-ubatan ini merangkumi 60 peratus daripada jumlah keseluruhan ubat tiruan yang dilaporkan berada dalam pasaran.
- Antara kelebihan ubat tiruan adalah dikatakan lebih mudah dikatakan lebih mudah didapati di

pasaran terbuka, harga lebih murah, menjimatkan masa kerana tidak perlu berjumpa doktor untuk mendapatkan ubat dan membantu masalah tenaga batin dan penyakit berisiko.

- Antara komplikasi ubat tiruan adalah kegagalan buah pinggang, kegagalan jantung sindrom steroid (sistem imuniti badan dan tekanan darah juga mungkin jatuh ketika menjalani pembedahan), pendarahan (ketika pembedahan).

(Sumber : internet)

TRIVIA

Petikan akhbar

- Kuala Lumpur, 26 Mei 2011 - Sebanyak 94 jenis ubat-ubatan tradisional tiruan dan tidak berdaftar bernilai RM100,000 dirampas dari enam buah kedai sekitar Jalan Raja Bot dan dipercayai dijalankan oleh peniaga warga Indonesia berstatus penduduk tetap.
- Kajang, 1 Julai 2010 - Satu sindiket pengedaran pil perangsang seks tiruan hanya mampu 'berputih mata' apabila Bahagian Penguat Kuasa Farmasi Kementerian Kesihatan (KKM) merampas beratus ribu kotak berisi pil tenaga batin bernilai RM3 juta di enam kilangnya di sekitar Lembah Klang.
- Kuala Lumpur, 28 Jun 2010 - Orang ramai dinasihatkan supaya berhati-hati ketika membeli produk pil Poh Chai selepas pihak berkuasa

kesihatan Hong Kong mengesan produk tiruan menggunakan jenama tersebut dan mengandungi racun diclofenac di negara itu.

- Seremban, 5 Mac 2009 - "*One Night 8 Times*" dan "*Play Boy Cream*" adalah antara 270 item ubat perangsang seks tiruan dari China bernilai RM58,000 yang dirampas di Jalan Utham Singh.
- Johor Bahru, 19 Julai 2008 - Jabatan Kesihatan Johor merampas pelbagai ubat-ubatan tiruan yang bernilai hampir RM130,000 dalam serbuan yang dijalankan di Pasar Borong Pandan di sini.

